

25 NOV 1999

P/RAYA:PERSATUAN BAWEAN MALAYSIA SOKONG BN

KUALA LUMPUR, Nov 25 (Bernama) -- Persatuan Bawean Malaysia (PBM) hari ini menyuarakan sokongan padu untuk Barisan Nasional (BN) dan kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Persatuan itu meminta semua anggota PBM dan sekutu gabungannya di seluruh negara mengundi untuk kemenangan BN pada pilihan raya umum Isnin ini dan menolak semua parti pembangkang.

"Kami dengan ini menyeru semua ahli-ahli PBM dan sekutu gabungan kami menentang segala fitnah, tipu helah dan janji kosong semua parti pembangkang yang terbukti menyesatkan dan tanpa haluan yang teramat merugikan ummah dan negara," kata PBM dalam satu kenyataan di sini.

PBM juga menjelaskan bahawa persatuan itu tidak mempunyai kaitan dengan seorang suku kaum Bawean yang bertanding di Kuala Kangsar menentang BN.

Mengikut pencalonan yang dikemukakan Sabtu lepas, Asmuni Awi dicalonkan oleh PAS untuk menentang penyandang kerusi Parlimen Datuk Seri Rafidah Aziz.

Jumlah masyarakat Bawean di Malaysia dianggarkan kira-kira 500,000 orang.

-- BERNAMA

TCL NAK